

JALAN TEGAK

SYED SADDIQ



TEGAK JALAN

SYED SADDIQ



**buku
karangkraf**

PUSTAKA PERDANA



1013627

Cetakan 1 - 2024

HAK CIPTA TERPELIHARA (2024)

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran daripada
GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.

buku karangkraf

Umum

grupbuku.karangkraf.com

Diterbitkan dan diedarkan oleh:



GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD

Lot 1, Jalan Renggam 15/5, Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor.

Tel: 03-5101 7388 / 7548

Co. No. 276419M · AJL No. 931283

Dicetak Oleh:



ULTIMATE PRINT SDN. BHD.

Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, 40200 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-5101 3388



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-2858-35-5

« KANDUNGAN »

Prakata	7
Pendahuluan	8
Bahagian 1	
Anak Mama	14
Keluarga Dari Seberang Tambak	22
Mengharap Salji di Taman Perling	30
Alam Persekolahan	34
Satu Realisasi	40
Berdebat Dalam Cahaya Lilin	51
Pelatih, Pencabar, Penyelidik	66
Lahirnya Sebuah Parti Politik	78
Mendamaikan Permusuhan Lama	85
Berjabat Seribu Tangan Sehari	90
Bahagian 2	
Panggilan Telefon Di Dalam Teksi	105
Kementerian Belia Dan Sukan	115
Reformasi PLKN, BTN	121
Realiti di atas padang	129
Persatuan Sukan	136
Undi 18	139
Reben Kuning	152
Ratusan Panda di depan rumah	157
Bersatu selepas PRU-14	169
Bibit-bibit perpecahan	181
ICERD and Statut Rome	184

<i>Scheme of Things</i>	186
Berakhirnya Mandat Rakyat	201
Bahagian 3	
Musuh yang tidak kelihatan	219
Rumah baharu	233
“Saddiq, sokonglah Tan Sri.”	242
Tikam kawan lama, ditikam kawan baru	253
Pentadbiran Ismail Sabri	259
PRU-15	267
Bahagian 4	
Syed Saddiq Dari Kaca Mata:	
Mama	275
AbuYa	284
Amshar Aziz	287
Ameera Natasha Moore	295
Muhammad Azizi Che Sulaiman	314
Bahagian 5	
Politik Institusi	327
Pendidikan	333
Ekonomi	347
Harapan Saya	351

—Prakata—

Assalamualaikum, *ta jia hao, sat sri akal.*

Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk memberikan sedikit penerangan tentang rencam hidup yang berlaku terhadap diri saya sepanjang bergelar ahli politik di Malaysia terutamanya pasca “Langkah Sheraton”.

Pasti ada yang tertanya-tanya apa sebenarnya yang berlaku dalam beberapa siri yang tidak pernah diketahui umum, keputusan yang saya ambil dalam politik, pada peringkat parti MUDA, perjalanan hidup di Muar dan sewaktu bergelar Ahli Parlimen Muar, secara keseluruhannya.

Menelusuri garis masa yang berlaku dapat memberi kefahaman kepada masyarakat umum tentang apa yang terjadi di belakang tabir. Ini akan memberikan gambaran yang jelas tentang landskap politik di Malaysia. Ada perkara yang berlaku mengejutkan kita. Namun, ini banyak mendewasakan saya dalam mendepani cabaran yang terhampar di hadapan.

Perjuangan ini tidak akan berhenti dan berakhir dalam masa yang singkat. Inilah perjuangan saya sekarang dan akan diteruskan demi rakyat Muar dan Malaysia yang saya cintai. Tiada apa yang dapat mematahkan semangat saya walaupun ditekan dari kiri, kanan, atas dan bawah. Lawan tetap lawan!

Terima kasih yang tidak terhingga kepada mama dan abuya serta rakan-rakan seperjuangan yang terus berdiri teguh dalam perjuangan yang penuh ranjau ini.

Berani kerana Benar!

PENDAHULUAN

MALAM yang cukup meleihkan itu tidak akan saya lupakan. Saya dan rakan-rakan berjaga dari pagi. Lewat petang itu, saya sudah pun dimaklumkan tentang kemenangan saya di Muar dan saya meraikan kemenangan tersebut dengan menghubungi pasukan saya di Muar. Sudah tentunya kami semua berasa sangat gembira.

Saya dan calon-calon berada di Hotel Sheraton. Berita tentang kemenangan PH di banyak kawasan parlimen mula dilaporkan oleh ejen-ejen PACA (*Polling Agent & Counting Agent*) di lapangan. Di Sheraton, di mana semua calon PH dikuarantin, kami semua menunggu dengan penuh debaran, namun pengumuman oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tetap tidak kunjung tiba. Media arus perdana juga tidak memaparkan berita yang ingin kami dengar.

Setelah menunggu begitu lama, pada jam 2.00 pagi, kami semua berkumpul bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi mengumumkan kemenangan Pakatan Harapan (PH). Pada kala seluruh negara berada dalam

"kegelapan" mengenai pemenang PRU bersejarah itu, saya menemui Tun Mahathir dan menyatakan yang beliau harus berhubung dengan penjawat-penjawat awam tertinggi. Di pihak kami, ada yang menghubungi istana dan Raja-Raja Melayu bagi memastikan transisi yang bersih dan selamat.

Mengapa kami semua dikuarantin? Kerana pada malam itu sebenarnya, ada usaha untuk membeli ahli-ahli parlimen PH oleh pihak lawan.

Inilah hari yang menyaksikan tumbangnya Barisan Nasional (BN) buat kali pertama dalam sejarah.

Hari itu, 9 Mei 2018.

Tidak pernah terlintas di fikiran yang saya akan menceburi dunia politik dalam hidup, apatah lagi melakukannya dalam usia yang sangat mentah sehingga berjaya memecahkan rekod menteri kabinet termuda sepanjang enam dekad penubuhan Malaysia. Saya mula celik politik pada zaman universiti apabila saya mula membincangkan isu ehwal semasa bersama rakan-rakan seperjuangan dalam lingkungan saya.

Saya mula menjadi ahli politik selepas menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), parti yang diasaskan oleh dua bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kedua-duanya berganding bahu bagi menentang pentadbiran Dato' Sri Najib Tun Razak yang terpalit

dengan lumpur kleptokrasi.

Hari-hari sebelum penubuhan parti itu banyak membuka mata saya ke dunia politik. Mesyuarat demi mesyuarat, pertemuan demi pertemuan mengisi kalendar harian saya yang ketika itu baru berusia pertengahan 20-an. Tidak lupa juga cabaran, rintangan dan ugutan yang dilemparkan kepada saya dan keluarga.

Namun, menceritakan kisah perjalanan politik ibarat mendahului sejarah hidup saya. Ia bukanlah segala-galanya tentang saya. Apa yang sebenarnya ingin saya nukilkan ialah kisah hidup saya yang berwarna-warni dan lebih luas dan penuh suka duka, bukan sekadar politik.

Pada bahagian pertama naskhah ini, saya ingin membawa pembaca mengenali latar belakang dan sisi peribadi seorang anak jati Johor. Tidak dinafikan, zaman kanak-kanak dan remaja yang telah saya lalui, pilihan-pilihan yang saya buat sama ada secara sedar atau tidak pada zaman itu telah membentuk diri saya hari ini.

Saya merangkak, bertatih dan berjalan di Taman Perling, Johor dan juga beberapa tahun di United Kingdom, sebelum memasuki Sekolah Rendah Taman Perling. Apabila usia saya meningkat ke 13 tahun, saya masuk ke Maktab Sultan Abu Bakar dan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Usman Awang sebelum bertukar ke Maktab Tentera Diraja (MTD) atau dikenali juga sebagai Royal Military College (RMC). Apabila

dikenang semula; tidak ada perkara lain yang lebih saya rindukan selain zaman kanak-kanak.

Di dalam buku ini juga saya selitkan kisah yang telah melonjakkan nama saya, iaitu debat. Perdebatan banyak mewarnai pengalaman hidup saya semasa di sekolah dan juga di universiti. Ia benar-benar mengubah kehidupan saya.

Pada bahagian kedua dan ketiga buku ini, saya mengimbas semula detik-detik penting yang bukan sahaja bermakna buat diri saya, tetapi juga untuk negara. Pada ketika ini, saya mula mengorak langkah dalam karier sebagai ahli politik.

Anda semua boleh sama-sama menelusuri perjalanan saya dan detik-detik bersejarah negara. Bermula dengan kemenangan Pakatan Harapan (PH), sehinggalah tumbangannya kerajaan PH yang hanya mampu mentadbir selama 22 bulan dan penyusunan semula barisan politik belia-belia Malaysia apabila saya dan rakan-rakan menubuhkan MUDA. Tidak lupa juga bagaimana negara melalui PRU-15 pada tahun 2022.

Saya akan jelaskan juga mengenai dasar-dasar saya semasa menjadi menteri, juga semasa menjadi pembangkang dan kemudian bersama blok kerajaan semula.

Saya juga akan menjelaskan serba sedikit mengenai kes-kes mahkamah yang sedang saya hadapi (sewaktu

buku ini ditulis).

Bahagian keempat ialah pandangan orang lain tentang diri saya, yang pastinya tidak boleh saya ceritakan sendiri. Ibu, ayah dan beberapa orang rakan rapat saya tidak lokek menceritakan pengalaman mereka bersama saya. Kadang-kadang, pandangan orang lain juga penting untuk diambil kira. Ia akan menjadi peringatan kepada diri sendiri yang kita masih ada sokongan dan dukungan oleh orang lain. Sesungguhnya, merekalah punca kekuatan saya untuk terus berjuang dalam arena politik.

Pada bahagian kelima buku ini, saya akan menjelaskan sedikit pandangan saya mengenai beberapa isu yang melingkari negara dan masyarakat. Isu-isu ini penting untuk diselesaikan segera kerana jika tidak, perubahan yang kita lakukan pada peringkat persekutuan tidak ada maknanya. Isu ini disusun dan diceritakan secara ringkas kerana jika mahu ditulis secara mendalam, saya perlu menulis sebuah buku yang berasingan.

Saya sedar, pada usia 30-an, pengalaman saya tidaklah sebanyak tokoh-tokoh lain, namun apa yang saya bakal kongsi dengan pembaca diharap boleh dijadikan pedoman dan menambah nilai kepada anak-anak muda di luar sana. Merekalah yang kita harapkan untuk mengemudi bahtera yang bernama MALAYSIA ini.

Anak-anak muda kita ialah generasi harapan Malaysia. Masa depan Malaysia.

“13”

BAHAGIAN I

ANAK MAMA

SEMASA saya kecil, mama pernah bercerita bahawa saya anaknya yang paling banyak masalah ketika mengandung saya. Saya kuat menendang dan mama diserang semput yang paling teruk walaupun sebelum ini tidak pernah ada asma. Selepas saya dilahirkan, asma itu seakan-akan berpindah daripada mama kepada saya. Saya dijangkiti asma yang agak teruk semasa bayi di mana pada satu tahap, saya terpaksa mengambil *inhaler* dan perlu membawanya ke mana-mana sehingga saya dewasa. Mama pula sebaliknya, terus sembuh daripada penyakit asmanya.

Itulah sedikit sebanyak momen di mana saya dibawa ke dunia ini, iaitu pada tanggal 6 Disember 1992. Mama memilih nama Syed Saddiq atas saranan datuk sebelah bapa saya.

Saya adalah anak bongsu daripada empat orang adik-beradik. Kakak saya, Sharifah Amani ialah anak sulung diikuti Syed Salleh, Syed Abdullah dan saya. Kedua-dua belah keluarga saya datang dari susur galur Syed dan Sharifah. Mama saya, Sharifah Mahani Syed Abdul Aziz

memang anak jati Johor. Nenek dan datuk di sebelah mama adalah keturunan Al-Jufri yang sudah menetap di Tanah Melayu selama beberapa generasi. Mengikut cerita mama, keluarga mereka berasal dari Yaman Selatan.

Datuk mama, iaitu moyang saya adalah seorang pedagang yang berniaga dari satu negara ke negara dan akhirnya menetap di Singapura. Dia menjalankan perniagaan di sana dan akhirnya berkahwin di Malaya selepas Perang Dunia Kedua.

Ayah mama, iaitu datuk saya, Syed Abdul Aziz bin Syed Alwi adalah mantan Pegawai Waran 1 Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Datuk saya berkhidmat di Pangkalan KD Malaya di Singapura. Nenek saya pula adalah seorang suri rumah tangga sepenuh masa yang sangat mengambil berat tentang keluarganya.

Mama ialah anak sulung daripada lima adik-beradik. Daripada lima adik-beradik ini, tiga daripadanya perempuan dan kesemuanya berkhidmat sebagai guru, manakala seorang pak cik saya bekerja dengan Malaysia Airlines di Eropah dan seorang lagi ialah pakar bedah di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) Kubang Kerian, Kelantan.

Mama saya membesar di Singapura dan Johor. Kampung pertamanya di sebuah kawasan setingan yang dipanggil Ngee Heng, di Johor Bahru. Mengikut cerita mama, rumah yang disewa oleh keluarganya ketika itu diperbuat daripada kayu dan zink dan bersambung

dengan rumah-rumah lain. Hanya ada satu ruang di dalam rumah itu. Bahagian dapurnya pula tiada pintu. Mama dan adik-beradiknya akan tidur di atas tilam yang bersusun. Hanya papan kayu yang memisahkan tempat tidur datuk dan nenek. Di setiap rumah pula ada sebuah pintu kecil yang boleh menembusi rumah jiran sebelah. Pada zaman itu, kata mama, mereka menggosok gigi menggunakan arang.

Semasa kecilnya, mama sering mengambil upah menggobek sirih untuk tuan rumah dan mendapat sedikit gula-gula atau coklat sebagai upah. Hanya selepas itu barulah keluarga mama berpindah ke kuarters tentera di Kem Majidee dari Ngee Heng, Johor Bahru. Ketika itu hanya ada dua blok disediakan untuk anggota keluarga TLDM. Selepas itu, keluarga mama berpindah ke Pangkalan KD Malaya di Singapura. Di sana, kami dibesarkan dengan penuh disiplin.

Selepas beberapa tahun, datuk saya dikehendaki melapor diri ke Lumut, Perak, tetapi dia menolak. Pada masa itu, datuk saya berhasrat untuk bersara dan menghabiskan masanya bersama keluarga kerana banyak masanya telah dihabiskan di luar negara untuk berkhidmat. Datuk saya telah membeli sebuah rumah di Taman Kebun Teh, Johor Bahru semasa berkhidmat di KD Malaya dan apabila dia bersara, kami semua terus menetap di sana.

Mama masuk ke Maktab Perguruan Sultan Idris (kini Universiti Perguruan Sultan Idris) selepas tamat

belajar. Selepas dua tahun, mama ditempatkan di Sekolah Menengah Vokasional Tanjung Puteri, Johor. Ketika itu, mama berulang-alik dari KD Malaya ke sekolah. Setiap hari, mama yang berbaju kurung dan berkasut tuit terpaksa memanjat trak tentera yang menghantarnya ke sekolah.

Selepas tamat belajar, mama berkhidmat sebagai guru Bahasa Inggeris. Pada awalnya, mama ingin mengikut jejak langkah ayahnya berkhidmat sebagai anggota tentera laut, tetapi ditentang oleh ayah dan ibunya. Mama sebenarnya sangat meminati badan beruniform kerana mama dibesarkan dalam persekitaran yang penuh disiplin. Menurut cerita mama sendiri, dia mahu ayahnya memberi tabik hormat kepadanya sekiranya dia berjaya menjadi seorang kadet satu hari nanti. Namun, niatnya itu salah.

Pernah suatu hari, tanpa pengetahuan nenek saya, mama mengisi borang dan telah dipanggil untuk sesi temu duga di Tambun, Perak. Mama lulus kesemua ujian dan mendapat tawaran sebagai pegawai tentera udara, tetapi mama menolak kerana mama mahu menjadi pegawai TLDM.

Apabila mama balik ke KD Malaya, nenek saya menangis melihat keadaan fizikal mama selepas menjalani pelbagai ujian. Nenek tidak bersetuju dan menghantar telegram kepada datuk saya yang ketika itu berada di Sweden. Datuk saya membalas telegram itu dengan satu ayat, "Langkah mayat aku dulu."

Ibu dan ayah mama sebenarnya menggalakkan mama menjadi seorang guru. Mama benar-benar kecewa, namun tetap akur dengan nasihat ibu dan ayahnya. Nenek membantu mama memohon dalam bidang perguruan apabila tawaran dibuka. Akhirnya, mama berkhidmat sebagai seorang guru selama 38 tahun mendidik anak bangsa sehinggalah mama bersara pada tahun 2020.

Keluarga sebelah abuya saya pula yang menetap di Singapura lebih menitikberatkan susur galur keluarga. Di Singapura, keluarga Syed merupakan keluarga yang besar dan dihormati. Oleh sebab itu, saya sering dinasihati agar sentiasa menjaga nama baik keturunan. Namun bagi saya, darah dan keturunan bukanlah kayu ukur bagi seseorang individu. Tidak ada yang lebih penting selain iman dan bakti diri kepada manusia lain.

Saya akan menceritakan lebih lanjut mengenai abuya saya nanti.

Saya memang tidak malu menggelar diri sendiri sebagai *mama's boy* atau anak mama. Sejak kecil, saya memang lebih rapat dengan mama, apatah lagi sebagai seorang anak bongsu. Meskipun tumpuan mama terhadap kerjayanya sebagai seorang guru memakan banyak masanya seharian, saya tetap tidak dibesarkan oleh pengasuh. Satu perkara yang saya pelajari daripada mama ialah tentang usaha dan kerja keras.

Mama akan bangun paling awal dalam kalangan ahli keluarga saya untuk menyiapkan keperluan kami

semua. Pada pukul 4.00 pagi, mama akan menyiapkan makanan untuk abuya dan kami semua. Kemudian mama akan menghantar kami semua ke sekolah. Balik saja dari sekolah, mama akan mengajar anak-anak muridnya tuisyen pula dari pukul 4.00 hingga 6.00 petang.

Di rumah kami ada sebuah bilik kecil yang boleh memuatkan sehingga 40 orang. Bilik itu sering penuh dengan anak-anak murid mama yang dahagakan ilmu daripadanya. Di sinilah terbitnya rasa cemburu pertama dalam sanubari saya. Anak-anak murid mama turut memanggil mama dengan panggilan yang lebih kurang sama seperti saya iaitu “ummi”. Semasa kecil, saya selalu tertanya-tanya mengapa mereka juga memanggil “ummi” sedangkan itu ibu saya.

Habis sahaja sesi tuisyen, mama akan mula memasak makan malam untuk kami sekeluarga. Ketika ini, abuya yang bekerja di Singapura biasanya belum pulang ke rumah. Pukul 8.00 hingga 10.00 malam, mama akan mengajar satu lagi sesi tuisyen. Mama mengadakan sesi tuisyen dua kali sehari setiap hari Isnin hingga Jumaat. Pukul 11.00 malam, mama akan memasak lagi kerana abuya selalunya akan balik pada waktu-waktu begitu. Mama seboleh-bolehnya tidak mahu abuya makan makanan yang sudah sejuk.

Pada hujung minggu, mama akan mengadakan kelas tuisyen pada pukul 8.00 hingga 10.00 pagi, kemudian dari 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Selepas itu, dia akan mula memasak untuk keluarga

kami. Kemudian mama akan sambung mengajar dari pukul 2.00 ke pukul 4.00, kemudian 4.00 hingga 6.00 dan akan berhenti seketika untuk menyiapkan makanan malam dan akan menyambung mengajar dari pukul 8.00 hingga ke 10.00 malam. Sememangnya sikap kerja keras yang saya saksikan sepanjang usia mama itulah yang saya adaptasikan dalam hidup saya.

Ada satu memori yang tidak mungkin dapat saya lupakan. Selepas tamat sesi persekolahan, saya akan pulang mengikut mama. Kadang-kadang mama singgah mengisi minyak kereta di stesen minyak. Di situ, lazimnya ada beberapa orang anak muda yang mengemis atau menjual. Mama akan memanggil mereka dan bertanya di manarumah mereka, siapa ibu ayah mereka dan bagaimana persekolahan mereka. Mama akan mendapatkan alamat rumah mereka dan menawarkan khidmat tuisyen secara percuma kepada anak-anak ini. Mengapa? Kerana mama tidak mahu ada kerusi kosong dalam kelas tuisyennya.

Ramai anak murid tuisyen mama yang datang dari keluarga yang susah. Saya saksikan sendiri keadaan ini. Dalam sebuah bilik kecil yang dijadikan ruang tuisyen di rumah kami, mama akan menyimpan kad-kad tuisyen dengan warna yang berbeza-beza. Pernah saya bertanya mama, mengapa tidak dikenakan caj sahaja kepada semuanya? Kata mama, kita kena bantu anak-anak yang susah ini. Jadi, sayalah yang mengambil tugas menjaga kad-kad tuisyen mereka dan juga yang menolong mama mengisikan kad itu dari semasa ke semasa.

Sepanjang kerjaya mama sebagai seorang guru, mama pernah beberapa kali diberi Anugerah Guru Terbaik. Beberapa kali juga mama ditawarkan menjadi guru besar, tetapi mama menolak kerana mama menganggap dirinya sebagai "*a mother first*". Komitmen mama membuatkan saya kadangkala rasa gagal untuk memenuhi jangkaan dan harapan mama.

Semasa darjah 6, saya mendapat keputusan 4A 1B dalam peperiksaan UPSR. Malangnya, 1B itu ialah subjek Bahasa Inggeris, subjek yang diajar oleh mama saya sendiri. Masih saya ingat wajah mama yang sedih sewaktu membaca keputusan saya. Mama tidak marah atau menengking saya, tetapi mama hanya berdiam diri. Saya juga rasa sedikit kecewa memandangkan ramai anak murid tuisyen mama yang berjaya skor A dalam subjek yang sama.

Dalam keluarga saya, mamalah yang mengatur pendidikan kami adik-beradik. Tidak hairanlah jika mama lebih garang daripada ayah. Rotan di rumah kami sentiasa ada di tangan mama. Rotan pula ada pelbagai jenis. Saya sering ke tingkat atas mencari rotan untuk saya sorok atau patahkan hingga mama berasa pelik mengapa rotannya selalu sahaja patah. Bagaimanapun, mama tidak membenarkan perkara itu berlanjutan. Mama menyorokkan rotan dan saya pula berasa hairan kerana rotan sudah tidak ditemui di tempat biasa. Itulah mama, garang yang membentuk kami semua menjadi manusia.

KELUARGA DARI SEBERANG TAMBAK

ADA satu persoalan yang berlegar-legar dalam fikiran saya ketika zaman kanak-kanak, iaitu mengenai ayah saya yang saya panggil abuya. Saya selalu bertanya mama, mengapa abuya jarang ada bersama kami? Banyak detik bermakna dalam hidup kami, sama ada semasa meraikan hari jadi ataupun meraikan keputusan peperiksaan, abuya memang jarang menunjukkan muka.

Abuya membuat bermacam-macam kerja atau *odd jobs*. Kerjanya pula memang tidak tentu. Jika di sekolah saya ditanya apakah pekerjaan abuya, saya akan menjawab "buruh".

Abuya pernah bekerja sebagai buruh, *telemarketer* dan kakitangan di sebuah syarikat penerbangan di Arab Saudi. Abuya juga pernah bertugas menjaga kaunter telefon yang kebiasaannya disediakan di tingkat bawah pangsapuri.

Abuya seorang warganegara Singapura dan berasal dari keturunan Al-Sagoff. Di sana, keluarga Syed mempunyai semangat kebersamaan yang tinggi. Abuya

juga mempunyai buku carta leluhur keluarga. Buku itu agak usang dan berwarna coklat. Saiznya sebesar buku *coffee table*. Dari situlah saya belajar mengenai susur galur keluarga sebelah abuya.

Abuya adalah anak bongsu daripada lapan adik-beradik. Semasa dilahirkan pada tahun 1953, Singapura masih berada dalam Malaya. Cerita abuya, mereka akan menyanyikan dua lagu kebangsaan, iaitu lagu kebangsaan Malaysia dan Singapura di sekolah. Ibunya, (nenek saya) ialah seorang suri rumah. Nenek saya mempunyai susur galur hingga Yaman, berketurunan Al-Hinduan dan berasal dari Sumatera. Datuk dan nenek sebelah abuya bernikah sebelum zaman Jepun lagi.

Abuya belajar sehingga tahap *General Certificate of Education* (GCE). Kerja pertama abuya ialah sebagai budak pejabat dengan gaji 60 dolar sebulan.

Menurut cerita abuya, beberapa tahun selepas itu, sanak saudaranya dari Arab Saudi datang menziarahi di Singapura. Ketika itu, abuya baru berusia 23 tahun. Saudaranya menawarkan abuya bekerja di Arab Saudi dan abuya menerima tawaran itu. Sebelum itu, abuya pernah menolak tawaran kerja di Kanada yang ditawarkan oleh bekas majikannya.

Abuya memasuki Arab Saudi dengan visa umrah dan mendapat tempat di Jabatan Perbendaharaan di ibu pejabat Saudi Airlines. Abuya berada di sana selama 10 tahun. Pada tahun kelapan abuya bekerja, abang abuya

(pak cik saya) datang merisik mama. Mama ketika itu baru sahaja tamat pengajian di maktab perguruan dan baru mula bertugas. Abuya ketika itu pula masih di Jeddah. Mereka bernikah pada tahun yang sama setelah bertunang selama enam bulan. Sepanjang tempoh itu, mengikut cerita mama dan abuya, mereka hanya bertemu sebanyak dua kali. Mereka berhubung menerusi surat, telegram dan kaset perakam suara yang dikirim. Selepas berkahwin, mereka menetap seketika di Arab Saudi. Kakak saya, Sharifah Amani sempat dibesarkan di sana, namun oleh kerana kontrak abuya tidak disambung, abuya balik ke Malaysia bersama keluarga kecilnya. Ketika ini abang saya, Syed Salleh baru berusia tiga bulan.

Satu perkara mengenai abuya, walaupun abuya seorang warganegara Singapura, hatinya sentiasa di Malaysia. Abuya rela menetap di Malaysia, tidak seperti kebanyakan orang lain yang berebut-rebut mahu menjadi warganegara republik itu. Pada tahun 2014, abuya sudah memohon menjadi warganegara Malaysia.

Sejak berkahwin dengan mama, hampir setiap hari abuya berulang-alik dari Singapura ke Johor. Keluarga abuya pula masih menetap di Singapura. Abuya akan bangun pada jam 4.00 pagi setiap hari dan bertolak ke sempadan pada pukul 5.00 pagi. Pada tahun-tahun awal rutin ini, abuya menaiki bas sebelum dia menumpang motosikal kawannya. Setelah beberapa lama, barulah abuya membeli kereta di Singapura untuk berulang-alik.

Semua orang sedia maklum, setiap hari *causeway* di antara Malaysia dan Singapura mengalami kesesakan teruk. Saya sering mengikut abuya bekerja di pulau itu di mana abuya akan meninggalkan saya di rumah salah seorang keluarga kami sementara dia keluar bekerja. Itulah pengalaman pertama saya di luar negara.

Apabila saya mula mengikut abuya bekerja di Singapura sekitar usia 10 tahun, barulah saya faham mengapa abuya sering tiada di rumah. Saya mula celik dengan kepayahan abuya mencari rezeki untuk kami sekeluarga. Tekanannya sangat tinggi, apatah lagi perlu berulang-alik ke Singapura setiap hari.

Gaji abuya dikira agak rendah di republik itu, tetapi apabila dibawa pulang ke Malaysia, gajinya lebih tinggi daripada mama. Namun itu tidak bermakna kami bermewah-mewah. Ada masanya abuya juga berhadapan dengan masalah kesempitan wang.

Saya ingat lagi pada satu pagi hari raya, saya pernah meminta duit raya, tetapi tidak dapat. Pada tahun itu, sejak bulan Ramadan lagi mama sudah mengingatkan kami agar berjimat cermat. Mama tidak akan bercerita tentang masalah abuya kepada kami.

Ada satu masa, ketika abuya tiada di rumah, saya bertanya mama tentang abuya. Kata mama, abuya di Singapura. Kebetulan pula pada waktu itu, saya dalam perjalanan ke kafe siber dan saya ternampak abuya di sebuah kedai mamak seorang diri. Raut wajahnya

nampak jelas tertekan. Keesokan harinya juga begitu. Saya ternampak abuya seorang diri. Lalu saya mengambil keputusan untuk berhadapan dengan mama dan bertanyakan tentang keadaan sebenar abuya. Selepas itu, barulah mama menceritakan perkara sebenar bahawa abuya sebenarnya telah kehilangan kerja. Ketika waktu-waktu sukar ini, mamalah yang menjadi *breadwinner* kepada kami sekeluarga.

Memori yang paling indah ialah apabila beraya di Singapura. Kebiasaannya, pada awal pagi raya, kami sekeluarga akan menghabiskan waktu bersama keluarga sebelah mama. Selepas itu, barulah kami bertolak ke kampung sebelah abuya. Disebabkan keadaan trafik yang teruk, saya sudah terbiasa untuk tidak memakai songkok dan sampung. Mama pasti akan bertanya kenapa dan saya pula akan menjawab, “Tak tahan panas.” Kami akan menaiki kereta abuya, Kia Picanto. Kereta ini jika dipandu lebih satu jam, penyaman udaranya tidak akan berfungsi. Kena pula tiga jam di atas *causeway* dalam keadaan panas terik. Memang berbahang.

Saya tidak berkesempatan untuk rapat dengan datuk saya sebelah abuya yang saya panggil baba kerana dia sudah meninggal ketika saya masih kecil. Saya sempat meluangkan masa dengan baba semasa saya di sekolah rendah.

Paling seronok, tentulah sewaktu mendapat duit raya dalam dolar Singapura. Saya sering mengira jumlah rumah yang bakal dilawati dan akan meminta abuya

membawa kami melawat ke rumah-rumah yang saya tahu sering memberi duit raya lebih.

Keluarga sebelah abuya semuanya tinggal di flat HDB. Kebanyakan mereka tinggal di Geylang dan Bedok. Saya rapat dengan salah seorang pak cik saya di mana saya banyak menghabiskan masa di rumahnya sewaktu mengikut abuya ke Singapura. Sesekali, saya mengadu nasib dengannya jika dirotan oleh mama. Pak ciklah yang akan menghubungi mama jika mendapat tahu saya dirotan.

Macam mana pun abuya, kasih sayangnya terhadap keluarga tetap tiada tandingan. Bila-bila saya mengalami masalah besar, saya akan meraih simpati abuya memandangkan mama sangat garang. Kadangkala, abuya yang akan memujuk dan menenangkan mama, memintanya agar bersabar. Abuya seorang ayah yang penyayang, tetapi memiliki ketegasannya yang tersendiri.

Pengalaman di Singapura membuka mata saya tentang sikap rakyat negara jiran kita. Warganya sangat kompetitif. Abuya juga begitu. Saya fikir, sikap kompetitif saya diwarisi daripadanya. Setiap kali ada perlawanan bola sepak, kami berdua ibarat musuh abadi. Selalu juga saya mengusiknya dengan berkata macam-macam tentang negara itu dan pasukan bola sepak mereka. Tetapi saya berkata begitu bukan sebab mereka teruk, cuma saya fikir Malaysia sepatutnya buat lebih baik.

Apabila saya melalui *causeway* di Singapura,

segala-galanya sudah menggunakan komputer. Jalannya cantik, ibarat diturap setiap hari. Sampah juga hampir tidak kelihatan di Singapura. Berbeza dengan keadaan di Johor. Keadaan jalannya amat menyedihkan.

Abang saya pernah dengan sengaja membawa *chewing gum* dan kami sama-sama mengunyahnya di dalam kereta sejurus melepasi imigresen mereka. Semuanya sedia maklum, *chewing gum* dilarang sama sekali di negara itu. Itu bukanlah sesuatu perkara yang saya banggakan pada hari ini, tetapi pada masa tersebut semasa saya kecil, saya tidak tahu ia sangat bertentangan dengan undang-undang di Singapura.

Beberapa aspek yang saya suka perhatikan di Singapura ialah sukatan pelajaran mereka. Sukatan pelajaran mereka sudah jauh di hadapan. Gaji yang diberikan juga bermaruah dan kebajikan rakyatnya terjaga. Inilah salah satu sebab saya tidak dapat menerima propaganda yang mengatakan bahawa Melayu di Singapura ditindas. Saya melihat sendiri keadaan keluarga saya di sana.

Semasa saya menyambung pengajian di Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Singapura ketika itu mempunyai pasukan debat terbaik di Asia, diwakili oleh National University of Singapore dan Nanyang Technological University. Mereka adalah pendebat-pendebat yang saya hormati dan berjaya melayakkan diri masuk ke senarai 10 pasukan terbaik Asia. Saya sering menonton video debat mereka di YouTube

dan menganalisis hujah-hujah mereka. Beberapa kali juga saya hadir ke pertandingan perbahasan dan saya menggunakan duit saya sendiri hasil kerja separuh masa. Memang teruk kena bantai, tetapi saya anggap itu semua pengalaman yang berguna buat diri saya sendiri.

Pengalaman saya di seberang tambak ini telah menyemai sikap kompetitif peribadi saya dengan Singapura. Saya sudah memasang niat, Malaysia sebenarnya boleh buat lebih baik!

MENGHARAP SALJI DI TAMAN PERLING

SEPERTI kebanyakan kanak-kanak lain yang lahir pada era 90-an, zaman kanak-kanak saya diwarnai momen-momen di kafe siber. Permainan komputer seperti *Command and Conquer* menjadi kegilaan anak remaja pada zaman itu. Pernah suatu hari saya beritahu mama yang saya hendak tidur di rumah jiran, manakala jiran saya itu pula memberitahu ibunya yang dia mahu bermalam di rumah saya.

Rancangan sebenarnya, kami berdua akan berjalan kaki selama 30 hingga 40 minit untuk ke kafe siber bersama-sama. Saya masih ingat nama kafe itu, Leslie's Cer Cafe. Dari luar, ia kelihatan seperti sebuah kedai telefon, tetapi kafe itu sebenarnya terletak di dalam premis. Di situlah deretan komputernya menjadi sasaran anak-anak muda seperti saya dan jiran saya ini. Saya akan menghabiskan sepanjang malam di kafe dan hanya pulang selepas 8.00 pagi keesokan harinya.

Sebelum keluar rumah, saya akan pastikan yang saya tidak lupa membawa kunci pintu belakang rumah. Apabila pulang, saya pasti masuk melalui pintu ini.

Pernah sekali mama terlihat saya masuk melalui pintu belakang rumah dan bertanya saya mengapa masuk dari belakang. Jawapan saya pada masa itu, saya dan anak jiran baru pulang daripada bersarapan di kedai mamak.

Banyak lagi sebenarnya pengalaman saya dengan kafe siber ini. Saya pernah ditangkap di kafe siber. Pada sebelah petang, saya biasanya akan ke sekolah agama yang terletak 10 minit dari sekolah kebangsaan saya.

Ada satu ketika, saya beritahu ustazah yang saya perlu hadir ke sekolah untuk bermain hoki. Kebetulan, saya memang bermain hoki di sekolah kebangsaan. Cuma pada hari itu, saya sebenarnya tidak bermain hoki pun, tetapi ke kafe siber. Hal ini bagaimanapun diketahui oleh ustazah sekolah agama dan saya telah ditangkap. Sewaktu ditangkap, ada satu kata-kata ustazah terhadap saya yang betul-betul menusuk ke hati dan tidak mungkin dapat saya lupakan sampai bila-bila.

“Saddiq, bila kamu besar nanti, kamu akan jadi penagih dadah!”

Seperti yang dijangka, cerita saya ditangkap di kafe siber itu telah diketahui oleh mama. Kata-kata yang dihamburkan oleh ustazah itu juga diketahui mama. Saya melihat sendiri raut wajah mama ketika itu. Mama betul-betul kecewa.

Disebabkan insiden itu, gambar saya dan adik-beradik saya yang lain boleh dilihat hampir di setiap kafe

“**JALAN TEGAK**” membawa pembaca menyelami kehidupan beliau dari pentas debat ke kerusi parlimen. Zaman kanak-kanak yang diwarnai kenakalan, zaman remaja dalam disiplin ketenteraan, kemudian mendewasa sebagai menteri paling muda di Malaysia. Dan pada usia muda itu, peranan beliau terakam dalam beberapa sejarah penting negara; tumbangnya Barisan Nasional (2018), krisis Langkah Sheraton (2020) dan pembentukan kerajaan perpaduan (2022).

Telusuri usaha Syed Saddiq memimpin erat tangan penduduk Muar yang diwakilinya, terutama ketika pandemik. Bahkan parti MUDA yang diasaskannya juga begitu aktif membantu rakyat ketika banjir besar melanda negara (2021).

Melalui memoir ini, beliau membuktikan keteguhan prinsip ketika mendepani percaturan politik, juga kelantangannya mengungkapkan suara generasi muda walaupun cuba didiamkan oleh pihak tertentu. Sebagai idealis, beliau turut melontarkan saran dan harapan untuk Malaysia yang lebih baik.

Bagi orang muda, ini kisah inspirasi mencapai impian.

Bagi rakyat Malaysia seluruhnya, ini kisah di sebalik tabir peristiwa-peristiwa politik, juga pemikiran yang mengajak kita untuk merenung dan mungkin, bertindak.

f i X d buku karangkraf
grupbuku.karangkraf.com

Sem. Malaysia : RM39
Sabah/Sarawak : RM42

**buku
karangkraf**

ISBN 978-967-2858-35-5

